

'Masyarakat masih sukar amal penjarakan fizikal'

Isunya ialah penjarakan fizikal kerana mereka yakin jika pakai mask (pelitup muka) dan berdekatan antara satu sama lain adalah tidak berisiko.

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)



Ibadat&Fadilat

Hafsh 'Ashim RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Cukuplah seseorang (dianggap) berdusta apabila dia menceritakan semua yang didengari." (HR Muslim dan Abu Daud)

Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) (999075-U)
Takaful Ikhlas General Berhad (201701019705) (1233870-A)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:24	1:33	4:54	7:27	8:40
Alor Setar	6:24	1:33	4:54	7:27	8:40
P. Pinang	6:24	1:33	4:55	7:28	8:41
Ipoh	6:20	1:31	4:53	7:27	8:40
Kuala Lumpur	6:17	1:29	4:50	7:26	8:39
Shah Alam	6:17	1:29	4:50	7:26	8:40
Johor Bahru	6:05	1:20	4:42	7:20	8:33
Kuantan	6:10	1:23	4:45	7:21	8:29
Seremban	6:13	1:27	4:49	7:26	8:38
Bandar Melaka	6:12	1:26	4:48	7:25	8:38
Kota Bharu	6:17	1:26	4:47	7:20	8:29
K. Terengganu	6:12	1:22	4:43	7:17	8:30
Kota Kinabalu	5:22	12:32	3:53	6:27	7:39
Kuching	5:40	12:55	4:17	6:55	8:07

www.takaful-ikhlas.com.my

Anak syarikat, anak penub MNCB Holdings Berhad

Kuala Lumpur: Isu penjarakan fizikal yang menjadi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan COVID-19 dilihat masih sukar diamalkan dalam kalangan masyarakat.

Mengakui perkara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ada tempat sememangnya sukar mengamalkan penjarakan fizikal sehingga berisiko memperluaskan jangkitan wabak.

Walaupun rata-rata masyarakat memakai pelitup muka, beliau berkata, langkah itu masih tidak memadai.

"Berdasarkan kajian Universiti Teknologi MARA (UiTM), hampir 95 peratus rakyat patuh SOP bagi pemakaian pelitup muka.

"KKM (Kementerian Kesihatan) berpendapat pelitup muka semata-mata tanpa penjarakan fizikal tidak mencukupi. Kita lihat kebanyakan tempat seperti restoran contohnya, penjarakan fizikal tiada. Inilah paling bahaya.

"Setakat ini, pemakaian pelitup muka nampak jelas dan kita lihat rakyat mula menukar cara hidup dengan lebih berdisiplin, contohnya seperti tunduk hormat bagi mengelak berjabat tangan atau yang mengelakkan sentuhan.

"Isunya ialah penjarakan fizikal kerana mereka yakin jika pakai mask (pelitup muka) dan berdekatan antara satu sama lain adalah tidak berisiko," katanya pada temu bual bersama BERNAMA.

Mengulas langkah yang boleh



Ismail Sabri ketika ditemu bual BERNAMA, semalam.

(Foto BERNAMA)

diambil supaya SOP penjarakan fizikal dipatuhi, Ismail Sabri berkata, antara ialah memberi peringatan kepada rakyat, selain tindakan undang-undang.

Katanya, pihak berkuasa terpaksa mengambil tindakan undang-undang dengan menghukum rakyat jika tiada pilihan.

"Pertama, kita hanya boleh ingatkan rakyat. Walaupun diingatkan oleh saya dan DG (Ketua Pengarah Kesihatan) mengenai pematuhan SOP, setiap hari ada puluhan orang dikenakan tindakan akibat gagal patuh SOP.

"Kedua, tindakan undang-undang yang mana ia ada hukumannya tersendiri dan ketiga

ialah kesedaran diri.

"Anggota polis ada juga berlembut dan ada budi bicara, namun kadang-kadang tiada pilihan menyebabkan rakyat dikenakan hukuman," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata kerajaan menanggukkan hasrat membuka sempadan dalam tempoh segera bagi membenarkan gelembung perjalanan Zon Hijau kepada warga asing memasuki negara ini.

Katanya, Malaysia dan negara lain masih berdepan penularan pandemik dan akses masuk kepada warga asing berkemungkinan menambah penyebaran jangkitan tempatan.